

## PENCEGAHAN EKSTREMISME AGAMA MENURUT WAHB IBN MUNABBIBH

Azzahari Murad

Institut Islam Hadhari Universiti Kebangsaan Malaysia

E-mail: [p110102@siswa.ukm.edu.my](mailto:p110102@siswa.ukm.edu.my)

Aminudin Ahmad @ Basir

Institut Islam Hadhari Universiti Kebangsaan Malaysia

E-mail: [dramindppu@gmail.com](mailto:dramindppu@gmail.com)

### ABSTRAK

Pencegahan ekstremisme agama memainkan peranan penting dalam menangani cabaran yang timbul daripada gerakan radikal di kalangan masyarakat. Kajian yang bersifat kualitatif ini memfokuskan keberkesanan panduan Wahb ibn Munabbih, seorang ulama terkenal, dalam meredakan penyebaran pemikiran ekstrem, terutamanya pada individu yang terkesan oleh fahaman Khawarij. Kajian ini adalah untuk mengenal pasti strategi dan pendekatan yang efektif dalam mencegah ekstremisme agama dan menyokong pemahaman agama yang seimbang di kalangan masyarakat. Metodologi kajian melibatkan analisis terhadap nasihat-nasihat Wahb ibn Munabbih, termasuk penekanan beliau terhadap pemahaman ajaran agama, promosi toleransi dan dialog antara penganut agama, serta pendedahan terhadap cara-cara mengelakkan ekstremisme. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan holistik yang menggabungkan pemahaman agama yang mendalam dengan dialog antara masyarakat beragama adalah kunci dalam mencegah dan menangani ekstremisme agama. Kesimpulannya, usaha-usaha berterusan perlu diberi tumpuan dalam menggalakkan pemahaman yang komprehensif dan global dalam masyarakat untuk melawan fenomena ekstremisme agama secara efektif.

**Kata kunci:** Ekstremisme agama, Wahb ibn Munabbih, dialog antara masyarakat beragama.

### 1. Pengenalan

Wahb ibn Munabbih, seorang ulama Islam yang terkenal dengan hikmah dan pengetahuannya yang mendalam dalam agama, memberikan pandangan yang penting dalam konteks pencegahan ekstremisme agama. Dalam era di mana pemahaman yang ekstrem terhadap agama seringkali menjadi sumber konflik dan ketegangan. Oleh itu pemikiran Wahb ibn Munabbih menjadi semakin relevan. Artikel ini akan mengeksplorasi pemikiran dan pandangan beliau tentang pencegahan ekstremisme agama, serta relevan dalam konteks zaman kita yang serba dinamis. Dengan memahami sudut pandang Wahb ibn Munabbih tentang in, pelajaran berharga dapat diambil dalam memerangi ekstremisme agama seterusnya mempromosikan pemahaman yang sebenar tentang agama.

### 2. Metodologi kajian

Kajian ini adalah kajian kualitatif dengan menggunakan pendekatan analisis dokumen yang dilakukan secara induktif terhadap terhadap bahan-bahan bertulis iaitu Al-Quran, Al-Hadith dan kitab-kitab turath yang muktabar. Pendekatan analisis dokumen adalah data yang dapat diperoleh dengan merujuk kandungan teks pada perkataan, tajuk, perkataan, simbol, gambar dan maksud (Sabitha Marican 2009) Data yang telah dikumpulkan dengan penganalisaan terhadap dokumen adalah cara dalam mendapatkan maklumat yang sesuai bagi masalah kajian.. Secara zahirnya dokumen mempunyai data yang paling sukar untuk dimanipulasikan kerana maklumat yang diperlukan memang sudah tersedia (Jasmi 2012).

### 3. Tatacara Pengumpulan Data

Kajian ini menggunakan teknik pengumpulan data secara analisis kandungan terhadap kitab-kitab dan karya-karya yang dibahagikan kepada dua kategori sumber iaitu sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer bagi kajian ini ialah Munasahah wahab ibn Munabbih yang bertujuan untuk mengetahui cara pencegahan ekstremisme agama menurut perspektif salaf al-Saleh. Karya yang

paling dominan digunakan adalah *al-Ghuluwwu Fi al-Din Fi Hayāti al-Muslimīn al-Mu'sīrah Dirasah I'lmīyah Hawla Mazahir al-Ghuluw wa Mafahm al-Tatarruf wa al-Usulīyah* (2005) kerana banyak membincangkan persoalan ekstremisme agama. Manakala sumber sekunder juga digunakan dalam kajian ini yang bertujuan untuk menyokong hasil kajian dengan penulisan-penulisan yang sedia ada. Kitab-kitab yang berkait dengan isi ekstremisme agama untuk mengenalpasti punca lahirnya ekstremisme agama, kesan keburukan dan cara mencegah mengatasinya.

#### 4. Sebab Pemilihan Topik

Teknik pencegahan ekstremisme agama yang telah diaplikasikan oleh Wahb ibn Munabbih telah berjaya menginsafkan individu ekstrem dan mengembalikannya kepada kebenaran. Oleh itu dengan menganalisis teknik pencegahan yang telah beliau laksanakan diharap dapat ditemukan kaedah-kaedah yang lebih luas dan efektif dalam usaha pencegahan ekstremisme agama.

#### 5. Objektif Pengkajian Topik

1. Memahami konsep ekstremisme agama menurut pandangan Wahb ibn Munabbih berasaskan *munāṣaḥah* beliau serta pandangan para sarjana Islam.
2. Menganalisis sumber-sumber penghujahan Wahb ibn Munabbih dalam menangani isu-isu ekstremisme agama dalam *munāṣaḥah* beliau.
3. Meneliti hujah-hujah yang digunakan oleh Wahb ibn Munabbih bagi mendepani pengaruh-pengaruh ideologi ekstremisme agama. berasaskan *munāṣaḥah* beliau.

#### 6. Sejarah singkat Wahb ibn Munabbih

Wahb ibn Munabbih, juga dikenali sebagai Abu Abdullah al-Yamani, dilahirkan di bandar Zimar, Yaman pada tahun 34 Hijriah (654 Masihi). Ibunya berasal dari keturunan Himyariyyah, manakala bapanya merupakan keturunan Parsi dari bandar Herat di Khurasan seorang dari anggota tentera Parsi yang dihantar oleh Raja Anushirwan untuk membantu Amir Himyari, Saif ibn Dhi Yazan, dalam mengusir orang-orang Habshah dari Yaman. Beliau meninggal dunia pada tahun 114 H (732 M). (Al-Zahabiy, 1985)

#### 7. Keilmuan Wahb ibn Munabbih

Beliau adalah dari kalangan *tabi'in* dan dianggap sebagai salah seorang daripada mereka yang dipercayai. Beliau hidup dalam tempoh yang mencabar dalam sejarah Islam. Beliau merupakan seorang ulama yang produktif, meluas ilmu pengetahuannya, dan banyak membaca buku-buku lama, terutamanya buku-buku suci Yahudi dan Kristian. Beliau menulis beberapa buku mengenai pelbagai topik, namun tidak sampai kepada kita sebarang buku yang lengkap daripadanya. Hanya petikan-petikan sahaja yang diambil dari beliau yang diceritakan oleh Ibn Ishaq, al-Tabari, Ibn Qutaibah, dan yang lain-lain. (Irsyadul Haq, 2012).

#### 8. Guru-guru dan Murid-muridnya

Beliau mempelajari ilmu Islam dari beberapa sahabat Nabi SAW, termasuk Ibn Abbas, Abu Hurairah (jika benar), Abu Sa'id, Nukman bin Bashir, Jabir, Ibn Umar, dan Abdullah bin Amr bin al-'Aas r.a dengan perbezaan dalam beberapa riwayat. Juga, beliau meriwayatkan dari Tawus, Amr bin Dinar, saudaranya Hammad, dan Amr bin Syu'aib. Murid-muridnya pula terdiri dari dua anaknya: Abdullah, Abdul Rahman, Amr bin Dinar, Samak bin al-Fadl, Dawud bin Qais, dan beberapa lainnya. (Al-Ja'diy, 2022).

## 9. Pujian Terhadapnya

Ya'qub menyatakannya sebagai salah seorang terbaik di kalangan tabi'in, dipercayai, jujur, dan banyak meriwayatkan dari buku-buku klasik yang dikenal sebagai Israiliyyat. Al-I'jli berkata: Tabi'in yang dipercayai dan tinggal di San'a. Abu Zur'ah dan al-Nasa'i berkata: Dipercayai. (Ibnu A'sakir, 1995).

## 10. Latar Belakang Nasihat Wahb ibn Munabbih

Nasihat Wahb ibn Munabbih dalam kajian ini ditujukan kepada seorang lelaki bernama Dhu Khawlan yang menggambarkan bagaimana beliau mengembalikan lelaki tersebut dari jalan kesesatan ekstremisme agama yang dianutnya ke jalan yang benar. Melalui cara-cara nasihat ini yang akhirnya Dhu Khawlan insaf dari pemikiran ekstremisme agama ke arah petunjuk yang benar sehingga beliau meninggal dunia atas petunjuk itu. Peristiwa nasihat ini disampaikan melalui jalur Ali al-Madini dari Dawud bin Qais, teman kepada Dhu Khawlan yang bertanggungjawab mengatur pertemuan tersebut di mana nasihat itu diberikan oleh Wahb ibn Munabbih. Nasihat ini telah tercatat dalam Tarikh Dimashq oleh Ibn Asakir, Mukhtasar Tarikh Dimashq oleh Ibn Manzur, Tahdhib al-Kamal oleh al-Mizzi, dan Siyar A'lam al-Nubala' oleh al-Dhahabi. (Alu Abd al-Karim, 2002).

## 11. Kaedah Pencegahan Wahb ibn Munabbih

Wahb ibn Munabbih dalam melaksanakan pencegahan sikap eskترم dalam beragama menengahkan kaedah-kaedah yang berteraskan Al-Quran dan Al-Sunnah. Antara kaedah-kaedah tersebut:

- i. Memahami Al-Qurān dan Al-Sunnah dengan pemahaman yang benar. Pemahaman agama yang benar adalah pemahaman para sahabat r.a kerana Allah s.w.t telah saksi untuk mereka keimanan dan petunjuk, Sebagaimana kata Wahb ibn Munabbih kepada Dhū Khawlān:

تشهد على من هُوَ خَيْرٌ مِنْكَ بِالضَّلَالَةِ

Maksudnya:

*Engkau bersaksi bahawa mereka yang lebih baik darimu sebagai orang-orang yang sesat.*

Para sahabat r.a adalah generasi terbaik dari segala umat, kerana yang membimbing mereka adalah manusia terbaik iaitu Rasulullah s.a.w. Berpaling dari mengikuti mereka adalah kesesatan (Ibnu al-Qayyim dalam Yazid Abdul Qadir Jawas, 2006). Maka bagaimana pula jika menuduh para sahabat r.a itu sesat? Firman Allah s.w.t:

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا ۗ

Maksudnya:

*Dan demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) satu umat yang pilihan lagi adil, supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang*

*yang benar dan yang salah) dan Rasulullah (Muhammad) pula akan menjadi orang yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu.*

(surah al-Baqarah 2: 143)

Ibn al-Qayyim dalam *Yusrī al-Sayyid Muhammad* (2005) menggunakan ayat ini sebagai dalil kewajipan mengikuti para Sahabat. Beliau menyatakan bahawa dasar penggunaan ayat ini sebagai dalil adalah Allah s.w.t memberitahu bahawa Dia menjadikan mereka sebagai umat yang adil dan terpilih. Ini adalah hakikat kesederhanaan; mereka adalah umat terbaik dan paling adil dalam perkataan, perbuatan, niat, dan kehendak mereka. Oleh kerana itu, mereka layak menjadi saksi atas umat-umat lain pada Hari Kiamat. Allah s.w.t menerima kesaksian mereka terhadap orang lain, menjadikan mereka sebagai saksi-Nya. Itulah sebabnya Dia memuji dan meninggikan mereka.

ii. Menggunakan Pendekatan Berhikmah

Dalam usaha Wahb ibn Munabbih melakukan pencegahan sikap ekstremis beliau menggunakan pendekatan berhikmah yang dianjurkan oleh Allah s.w.t, iaitu menasihati dan memujuk dengan lemah-lembut dengan gaya percakapan yang berisi mengajak individu yang terkesan dengan pengaruh *al-khawārij* untuk berfikir serta merenung peristiwa yang berlaku di zaman para sahabat r.a yang menepati realiti seperti yang berlaku pada individu tersebut. Wahab ibn Munabbih berkata:

ألا ترى يا ذا خولان إني قد أدركت صدر الإسلام فوالله ما كانت للخوارج جماعة قط إلا فرقتها الله على شر حالاتهم

Maksudnya:

*Tidakkah engkau lihat wahai DZū Khawlān sesungguhnya aku telah pernah berada di generasi awal Islam. Demi Allah tiada bagi kelompok al-khawarij satu Kumpulan pun kecuali Allah pecah-pecahkan dalam seburuk-buruk keadaan.*

(Munāṣaḥah Wahab ibn Munabbih, Tahqiq Abdul Salām ibn Barjas Ālu ṢAbdul Karīm ms 23)

Dengan itu Wahb ibn Munabbih dalam *munaṣaḥah*nya telah mengutamakan *uslub* menasihati dengan lembut dan memujuk iaitu dengan mengetengahkan dalil-dalil dari al-Quran, ketika beliau mendengar bahawa kelompok *al-Khawārij* melarang Dhū Khawlān mengeluarkan sedekah atau zakat melainkan hanya kepada mereka. Beliau menyanggahnya dengan menyebut firman Allah s.w.t:

وَيُطْعَمُونَ الطَّعَامَ عَلَىٰ حُبِّهِ مِسْكِينًا وَيَتِيمًا وَأَسِيرًا ۗ إِنَّمَا نُطْعِمُكُمْ لِوَجْهِ اللَّهِ لَا نُرِيدُ مِنْكُمْ جَزَاءً وَلَا شُكُورًا ۙ  
ۙ إِنَّا نَخَافُ مِنْ رَبِّنَا يَوْمًا عَبُوسًا قَمْطَرِيرًا ۙ ۱۰

Maksudnya:

*Dan mereka memberikan makanan yang disukainya kepada orang miskin, anak yatim dan orang yang ditawan, (sambil berkata), "Sesungguhnya kami memberi makanan kepadamu hanyalah karena mengharapkan keridaan Allah, kami tidak mengharap balasan dan terima kasih dari kamu. Sungguh, kami takut akan (azab) Tuhan pada hari (ketika) orang-orang berwajah masam penuh kesulitan."*

(Munāṣaḥah Wahab ibn Munabbih, Tahqiq Abdul Salām ibn Barjas Ālu ṢAbdul Karīm ms 23)

Pendekatan dengan lemah lembut ditekankan sebagai satu kaedah yang amat berkesan. Apa yang dimaksudkan dengan lemah lembut adalah pendekatan yang membolehkan seseorang untuk berinteraksi dan berkomunikasi dengan cara yang penuh pengertian, tulus ikhlas, dan tanpa memberikan tekanan atau kekerasan. Pendekatan ini tidak hanya membantu mencegah penyebaran sikap ekstremis, tetapi juga membina jalan untuk pemahaman yang lebih baik dan hubungan yang harmoni di dalam masyarakat (Mokhammad Mahfud, 2022).

Ahmad Shukri Yusoff (2016) dalam Berita Harian menulis bahawa keupayaan berbicara dan berhujah adalah nikmat Allah yang begitu besar kepada seseorang manusia. Manusia perlu menggunakan lidahnya untuk membicarakan perkara yang berfaedah. Metod penghujahan bagi mematahkan hujah ahli kebatilan dan mengajak mereka kepada tauhid serta meninggalkan segala bentuk kesyirikan telah banyak kali diaplikasikan oleh Nabi Ibrahim a.s di berbagai tempat, antaranya ialah ketika berhadapan dengan raja yang mendakwa memiliki sifat Rububiyah. Ini sebagaimana yang telah dikisahkan oleh Allah s.w.t dalam firman-Nya:

أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِينَ حَاجَّ إِبْرَاهِيمَ فِي رَبِّهِ أَنْ آتَاهُ اللَّهُ الْمُلْكَ إِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمُ رَبِّيَ الَّذِي يُحْيِي وَيُمِيتُ قَالَ أَنَا أُحْيِي وَأُمِيتُ ۗ قَالَ إِبْرَاهِيمُ فَإِنَّ اللَّهَ يَأْتِي بِالسَّمْسِ مِنَ الْمَشْرِقِ فَأْتِ بِهَا مِنَ الْمَغْرِبِ فَبُهِتَ الَّذِي كَفَرَ ۗ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ ٢٥٨

Maksudnya:

*Tidakkah kamu memperhatikan orang<sup>1</sup> yang men debat Ibrahim mengenai Tuhannya, karena Allah telah memberinya kerajaan (kekuasaan). Ketika Ibrahim berkata, "Tuhanku ialah Yang menghidupkan dan mematikan," dia berkata, "Aku pun dapat menghidupkan dan mematikan. Ibrahim berkata, "Allah menerbitkan matahari dari timur, maka terbitkanlah ia dari barat." Maka bingunglah orang yang kafir itu. Allah tidak memberi petunjuk kepada orang-orang yang zalim.*

(surah al-Baqarah 2: 258)

### iii. Menggunakan Strategi Dialog

Wahab ibn Munabbih dalam usahanya mencegah ekstremisme agama, mengaplikasikan metod para anbiya' a.s dalam menasihati kaum mereka. Iaitu strategi dialog dengan mengajak dan bertanya jawab bagi membawa orang yang dinasihati kepada titik kebenaran. Ini dapat dilihat dalam kata seruannya kepada Dhū Khawlān dalam munāsahahnya, beliau berkata:

يَا دَا خَوْلَانَ أَتُرِيدُ أَنْ تَكُونَ بَعْدَ الْكِبَرِ حُرُورِيَا تَشْهَدُ عَلَيَّ مِنْ هُوَ خَيْرٌ مِنْكَ بِالضَّلَالَةِ فَمَاذَا أَنْتَ قَائِلٌ  
لِلَّهِ عَدَا حِينَ يَقْفِكَ اللَّهُ وَمَنْ شَهِدْتَ عَلَيْهِ اللَّهُ يَشْهَدُ لَهُ بِالْإِيمَانِ وَأَنْتَ تَشْهَدُ عَلَيْهِ بِالْكَفْرِ وَاللَّهُ يَشْهَدُ لَهُ  
بِالْهُدَى وَأَنْتَ تَشْهَدُ عَلَيْهِ بِالضَّلَالَةِ فَأَيْنَ تَقَعُ إِذَا خَالَفَ رَأْيَكَ أَمْرَ اللَّهِ وَشَهَادَتَكَ شَهَادَةَ اللَّهِ<sup>1</sup>

Maksudnya:

*Wahai Dhū Khawlān, adakah engkau hendak menjadi dari kelompok Harura' setelah engkau menjangkau umur setua ini, engkau mensaksikan kesesatan ke atas orang*

<sup>1</sup> Ibid

*yang lebih baik dari engkau. Apakah yang akan engkau jawab nanti di hadapan Allah ketika Dia bangkitkan engkau. Orang yang engkau saksikan kesesatan atasnya telah dipersaksikan oleh Allah kepadanya dengan keimanan sedangkan engkau mensaksikan atasnya dengan kekufuran, Allah mensaksikan atasnya dengan petunjuk dan engkau pula mensaksikan atasnya dengan kesesatan. Maka di manakah engkau akan berada jika pendapat engkau menyalahi perintah Allah dan persaksian engkau menyalahi persaksian Allah?*

Metode ini mencerminkan kebijaksanaan, pendekatan yang lemah lembut, dan pemahaman mendalam tentang Islam. Cara inilah yang digunakan oleh para alim ulama bahkan oleh para anbiya' a.s yang telah diutuskan kepada kaum masing-masing, iaitu dengan cara berdialog dan berhujah dengan lisan *al-maqāl* sebagai cara terbaik untuk berkomunikasi dengan individu yang terpengaruh dengan pemikiran ekstrem. Perlaksanaan seperti ini selari seperti kajian Al-Harbiy, (2019) yang menyebutkan bahawa bersesuaian fitrah alam, segala usaha-usaha pemulihan dan pembetulan yang dilakukan oleh Kerajaan Arab Saudi dalam mengekang ekstremisme adalah didasarkan pada satu pandangan baru yang memandang individu yang terlibat dalam ideologi ekstremisme ada sebagai pesakit yang mesti dirawat dan bukan sebagai pesalah, dan bahawa mereka memerlukan rawatan lebih daripada hukuman dan pastinya usaha ini boleh

Kesan positif dari nasihat dengan berdialog dapat dilihat dalam *munāṣahah* Wahb ibn Munabbih sehingga dapat memberi manfaat dan perubahan besar dalam menunjuki dan menyedarkan hati Dhū Khawlān terhadap pegangannya yang salah, seterusnya mendorongnya untuk berperilaku yang baik sehingga mampu berpikir secara positif, setelah sedar dari kesilapannya maka Dhū Khawlān berkata:

أشهد أنّي نزلت عن رأي الحرورية وصدقت ما قلت<sup>2</sup>

Maksudnya:

*Aku bersaksi bahawa sesungguhnya aku tinggalkan pendapat Harura' dan aku membenarkan apa yang telah engkau katakan.*

Penggunaan strategi dialog dalam berdakwah dan menasihati pernah dan banyak kali diaplikasikan oleh Nabi Ibrahim a.s, sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Rohaily @ Abd Rahman Abd Hamid & Nor Raudah Hj. Siren, (2018) dalam kajian mereka yang menyebut kisah dakwah Nabi Ibrahim a.s dalam al-Qur'an yang mencerminkan penggunaan berbagai strategi atau manhaj untuk mencapai kesuksesan dalam menyampaikan mesej tauhid. Beliau menyesuaikan pendekatan dakwahnya dengan keperluan yang berbeza, menghadapi berbagai sasaran dan situasi. Metode yang digunakan oleh Nabi Ibrahim a.s melibatkan penggunaan hujah yang rasional, tindakan nyata sebagai bukti, dialog dan percakapan, kehalusan dalam bicara, serta memanfaatkan tanda-tanda alam sebagai bukti kebesaran Allah. Fleksibiliti dan kebijaksanaan Nabi Ibrahim a.s tercermin dalam berbagai strategi yang digunakan dalam menyampaikan dakwah kepada masyarakat yang beragama.

Toriyono & Syahputra, (2021) menyebutkan bahawa dialog antara Nabi Ibrahim AS dan Namrud termuat dalam Al-Qur'an termuat dalam ayat yang singkat namun terkandung dalamnya isyarat pendidikan dan hikmah yang dapat dijadikan ibrah dan pelajaran oleh sesiapa sahaja pada setiap zaman. Firman Allah SWT:

---

<sup>2</sup> Ibid

أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِينَ حَاجَّ إِبرَاهِيمَ فِي رَبِّهِ أَنْ ءَاتَهُ اللهُ الْمُلْكَ إِذْ قَالَ إِبرَاهِيمُ رَبِّيَ الَّذِي يُحْيِي وَيُمِيتُ قَالَ أَنَا أُحْيِي وَأُمِيتُ ۗ قَالَ إِبرَاهِيمُ فَإِنَّ اللهَ يَأْتِي بِالشَّمْسِ مِنَ الْمَشْرِقِ فَأْتِ بِهَا مِنَ الْمَغْرِبِ فَبُهِتَ الَّذِي كَفَرَ ۗ وَاللهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ<sup>3</sup>

Maksudnya:

*Tidakkah kamu memperhatikan orang yang mendebat Ibrahim mengenai Tuhannya, karena Allah telah memberinya kerajaan (kekuasaan). Ketika Ibrahim berkata, Tuhanku ialah Yang menghidupkan dan mematikan," dia berkata, "Aku pun dapat menghidupkan dan mematikan. Ibrahim berkata, "Allah menerbitkan matahari dari timur, maka terbitkanlah ia dari barat." Maka bingunglah orang yang kafir itu. Allah tidak memberi petunjuk kepada orang-orang yang zalim.*

Penggunaan strategi dialog juga telah digunakan oleh para Rasul a.s, ia terdapat dalam ayat-ayat yang membicarakan risalah para Nabi a.s, dan perbincangan mereka dengan kaum mereka. Adapun Rasulullah s.a.w, pula sentiasa memberikan nasihat kepada para sahabatnya dalam berbagai perkara. Terdapat banyak hadith yang menunjukkan bahawa baginda SAW sentiasa memberikan nasihat samada dalam urusan ibadah, dakwah, masalah keluarga, dan lain-lain. Dari Mua'z r.a beliau menyatakan bahawa Rasulullah s.a.w telah mengutuskannya dan baginda bersabda:

إِنَّكَ سَتَأْتِي قَوْمًا أَهْلَ كِتَابٍ، فَإِذَا جِئْتَهُمْ، فَادْعُهُمْ إِلَى أَنْ يَشْهَدُوا أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ، وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللهِ، فَإِنْ هُمْ أَطَاعُوا لَكَ بِذَلِكَ، فَأَخْبِرْهُمْ أَنَّ اللهَ قَدْ فَرَضَ عَلَيْهِمْ خَمْسَ صَلَوَاتٍ فِي كُلِّ يَوْمٍ وَلَيْلَةٍ، فَإِنْ هُمْ أَطَاعُوا لَكَ بِذَلِكَ، فَأَخْبِرْهُمْ أَنَّ اللهَ قَدْ فَرَضَ عَلَيْهِمْ صَدَقَةً تُؤْخَذُ مِنْ أَعْيَانِهِمْ فَتُرَدُّ عَلَى فُقَرَائِهِمْ، فَإِنْ هُمْ أَطَاعُوا لَكَ بِذَلِكَ، فَإِيَّاكَ وَكَرَائِمَ أَمْوَالِهِمْ، وَاتَّقِ دَعْوَةَ الْمَظْلُومِ؛ فَإِنَّهُ لَيْسَ بَيْنَهُ وَبَيْنَ اللهِ حِجَابٌ<sup>4</sup>

Maksudnya:

*Sesungguhnya kamu akan datang kepada suatu kaum dari Ahli Kitab. Apabila kamu mendatangi mereka, ajaklah mereka untuk bersaksi bahwa tidak ada tuhan yang berhak disembah kecuali Allah, dan bahwa Muhammad adalah Rasul Allah. Jika mereka taat dan bersedia melaksanakannya, sampaikanlah kepada mereka bahwa Allah mewajibkan atas mereka lima waktu salat setiap hari dan malam. Jika mereka menerima hal itu, sampaikanlah kepada mereka bahwa Allah mewajibkan atas mereka zakat yang diambil dari orang-orang kaya di antara mereka untuk diberikan kepada fakir miskin. Jika mereka menerima hal itu, hindarilah kezaliman dalam harta benda mereka. Waspadalah terhadap doa orang yang dizalimi, karena tidak ada hijab (penghalang) antara doa orang yang dizalimi dengan Allah.*

Pendekatan menggunakan strategi dialog dalam menasihati juga telah diaplikasikan oleh para sahabat ra sebagai mencontohi Rasulullah s.a.w. Dari Abu Juhaifah r.a, dia berkata:

<sup>3</sup> Al-Quran surah al-Baqarah 2:258.

<sup>4</sup> Al-Bukhārī, Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Zakāt, bāb Akhzi Ṣadaqah min al-Aghniya', jil 2, ms 128, no 1496.

آخى النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَيْنَ سَلْمَانَ وَأَبِي الدَّرْدَاءِ، فزار سَلْمَانُ أبا الدَّرْدَاءِ، فرأى أُمَّ الدَّرْدَاءِ مُتَبَدِّلَةً، فقال لها: ما شأنُكِ؟ قالت: أخوك أبو الدَّرْدَاءِ ليس له حاجةٌ في الدُّنيا، فجاء أبو الدَّرْدَاءِ، فصنع له طعامًا، فقال: كُنْ، قال: فإِنِّي صائمٌ، قال: ما أنا بِأَكِلٍ حَتَّى تَأْكُلِ، قال: فأَكَلَ، فلَمَّا كان اللَّيْلُ ذَهَبَ أبو الدَّرْدَاءِ يَقومُ، قال: نَمَ، فنام، ثُمَّ ذَهَبَ يَقومُ، فقال: نَمَ، فلَمَّا كان مِن آخِرِ اللَّيْلِ قال سَلْمَانُ: قُمْ الآنَ، فصلِّيًا، فقال له سَلْمَانُ: إِنَّ لِرَبِّكَ عَلَيْكَ حَقًّا، ولِنَفْسِكَ عَلَيْكَ حَقًّا، ولِأَهْلِكَ عَلَيْكَ حَقًّا؛ فأعطِ كُلَّ ذِي حَقٍّ حَقَّهُ، فأتى النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فذَكَرَ ذلكَ له، فقال النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: صدقَ سَلْمَانٌ<sup>5</sup>

Maksudnya:

*Sesungguhnya Nabi s.a.w telah mempersaudarakan di antara Salman dan Abu Darda'. Salman kemudian pergi menjenguk Abu Darda', maka dia melihat Ummu Darda' dalam keadaan kurang terurus. Salman bertanya kepadanya: Apa yang terjadi padamu?" Ummu Darda' menjawab: Saudaramu, Abu Darda', tidak menginginkan dunia ini. Lalu Abu Darda datang dan menyediakan makanan untuknya. Dan Salman berkata: Makanlah. Abu Darda' menjawab: Saya sedang berpuasa. Salman membalas: Saya tidak akan makan sehingga engkau juga makan. Abu Darda' pun makan. Ketika malam tiba, Abu Darda hendak bangun untuk beribadah. Salman berkata: Tidurlah. Abu Darda pun tidur. Kemudian Abu Darda' kembali hendak bangun, Salman berkata: Tidurlah. Pada akhir malam, Salman berkata: Bangunlah sekarang, dan mereka berdua melaksanakan shalat. Setelah itu, Salman berkata kepadanya: Sesungguhnya Tuhanmu memiliki hak atasmu, dirimu memiliki hak atasmu, dan keluargamu memiliki hak atasmu. Berikanlah hak setiap yang berhak. Abu Darda kemudian datang kepada Nabi s.a.w dan menceritakan kejadian tersebut. Nabi s.a.w bersabda: Salman telah berkata benar.*

## 12. Kesimpulan

Menjadi satu perkara penting yang tidak boleh diabaikan dalam usaha mencegah ekstremisme iaitu dengan menggunakan ajaran agama sebagai pedoman utama, yang menekankan pada nilai-nilai kedamaian, toleransi, dan rasa kasih sayang. Ini tidak boleh dinafikan kerana agama mempunyai pengaruh sebagai alat integratif dalam masyarakat yang mempersatukan atau mengintegrasikan anggota masyarakat atau kelompok berdasarkan keyakinan dan nilai-nilai bersama di mana kegiatan beragama mempunyai nilai fungsional kepada kesejahteraan hidup umat manusia, ia berperanan mengatur sistem moral dan sosial dalam kehidupan masyarakat.

## 13. Rujukan

Al-Quran, Quran.com. <https://quran.com/3/103?translations=>

Al-Ansari, Khalid ibn Abdullah Bahamid. 2021. Hujjiyyatu Fahmi al-Salaf wa al-Ta'liq a'la Kalam al-Sayyid Hasan ibn Ali al-Saqqaf. Cetakan Muassasah Dar Talabah al-I'lm fi Hadramaut.

<sup>5</sup> Al-Bukhārī, Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, kitab al-Ṣaum, bāb man aqsama 'alā akhīhi liyuftira fī al-tatawwu', jil 3, ms 38, no 1968.

- Al-Zahabiy, Shamsuddin Muhammad ibn Ahmad ibn Uthman. 1985. *Siyar A'lam al-Nubala'*. Cetakan: Muassasah al-Risalah.
- Al-Ja'diy, Umar ibn Ali ibn Samurah. 2022. *Tabaqat Fuqaha' al-Yaman*. Beirut: Penerbit Dar al-Qalam.
- Alu Abd al-Karim, Abdul Salam ibn Barjas. 2002. *Munasahah Wahb ibn Munabbih*. Cetakan Manar al-Sabil.
- Ahmad Munawar, A. M. & M. I. 2021. Mengenal Pasti Perwatakan Ekstremis Melalui Disiplin Fiqh Taayush 43(1): 121–134.
- Fathurrochman, I. & Apriani, E. 2017. Pendidikan Karakter Prespektif Pendidikan Islam Dalam Upaya Deradikalisasi Paham Radikal. *POTENSIA: Jurnal Kependidikan Islam* 3(1): 122. doi:10.24014/potensia.v3i1.2726
- Hussam Muhammad Ramadan. 2022. Uslub al-Istifham al-Taqriri wa Dilalatuhi fi al-I'lanat al-Tijariyyah wa al-Sawahiliyyah. *Majallatu kulliyyatu al-Adab Jami'atu al-Fayyum*. 1. 333-361.
- Imran, M., Razak, A. & Ramli, M. A. 2018a. ( ANALYSIS OF EXTREME RELIGION FOLLOWERS AND SOCIAL MEDIA IN MALAYSIA ) Muhd Imran Abd Razak , Rahimin Affandi Abdul Rahim , Rabiatul Adawiyah Mohamed Ratha 2(June): 91–103.
- Irsyadul Haq al-Haj Abdullah. 2012. *Marwiyyat Wahb ibn Munabbih fi al-Tafsir al-Tabariy: Dirasah Naqdiyyah*. Bandar Baru Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia. <https://e-imiyyaz.usim.edu.my/handle/123456789/305>
- Ibnu A'sakir, Abu al-Qasim Ali ibn al-Hasan ibn Hibatullah ibn Abdullah al-Shafi'ei. 1995. *Tarikh Madinah Dimashq wa zikru fadhliha wa Tasmiyatu man hallaha min al-amathil aw ijtaza binawahiha min waridiha wa ahlih*. Cetakan Dar al-fikr.
- Mansor Mohd Noor. 2005. Memahami dan Mengurus Ekstremisme Agama di Malaysia Understanding and Managing Religious Extremism in Malaysia. *Journal of Ethics, Legal and Governance* 1: 51–61.
- Potabuga, Y. F. 2020. Pendekatan Realitas dan Solution Focused Brief Therapy dalam Bimbingan Konseling Islam. *Al-Tazkiah: Jurnal Bimbingan dan Konseling Islam* 9(1): 40–55.
- Pratiwi, R. N. H. 2020. Program Studi Ilmu AL-Quran dan Tafsir Fakultas Ushuluddin dan Dakwah Institut Ilmu AL-Quran Jakarta. *Corporate Governance (Bingley)* 10(1): 54–75.
- Rahimin Affandi, Mohd Anuar Ramli, Mohd Imran Abdul Razak, Muhammad Ikhlas & Siti Maimunah Kahal. 2016. *Ekstremisme Islam Di Alam Melayu : Satu pengenalan. Aricis I*.
- Rohaily @ Abd Rahman Abd Hamid & Nor Raudah Hj. Siren. 2018. *Manhaj Dakwah Nabi Ibrahim a.s. Menurut al-Qur'an dan Aplikasinya dalam Dakwah Masa Kini*. Penerbit Universiti Malaya.
- Shahadah, U. 2014. *Khatar al-inhiraf a'n manhaj al-Sahabah halah al-Qadariyyah wa al-Jabariyyah.pdf*. Retrieved from <https://osamashade.com/مقالات/خطر-الإنحراف-عن-منهج-الصحابه-2-حالة-الجبرية-والقدرية>
- Toriyono, M. D. & Syahputra, A. E. A. 2021. Dialog Argumentatif Nabi Ibrahim dan Raja Namrud dalam Perspektif Al-Qur'an. *al Dhikra| Jurnal Studi Qur'an dan ...* 3(2): 105–118. Retrieved from <https://journal.ptiq.ac.id/index.php/aldhikra/article/view/783>